

PRAKTIS SPM

9



Kertas 1

1. Kadaan selepas Perang Dunia Kedua menunjukkan usaha beberapa negara membebaskan diri daripada penjajahan. Apakah negara tersebut?

BUKU TEKS 216

- | | |
|------------|--------------|
| I India | III Thailand |
| II Jepun | IV Filipina |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

2. Apakah kepentingan rundingan kemerdekaan berikut?

BUKU TEKS 216

Tarikh	Tempat
18 Januari – 6 Februari 1956	Lancaster House, London

- A Membincangkan soal perlembagaan
B Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
C Mewujudkan hubungan baik dengan British
D Mendapatkan bantuan kewangan dan pertahanan

3. Senarai berikut menunjukkan ahli Rombongan Merdeka ke London.

BUKU TEKS 216

- H.S. Lee
- Tunku Abdul Rahman
- Dr. Ismail Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein

Apakah kedudukan mereka dalam rundingan kemerdekaan?

- A Pemerhati bebas
B Wakil Menteri Besar
C Wakil Parti Perikatan
D Wakil Raja-raja Melayu

4. Apakah perkara yang dituntut oleh perwakilan dari Tanah Melayu dalam rundingan kemerdekaan?

BUKU TEKS 218

- I Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan
II Melantik Menteri Pelajaran daripada rakyat tempatan
III Membayar ganti rugi kepada pegawai yang diberhentikan
IV Meminta tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

5. Apakah kepentingan peristiwa berikut kepada rakyat Tanah Melayu?

BUKU TEKS 219



- A Pembentukan Suruhanjaya Reid
B Pengumuman tarikh kemerdekaan
C Perisytiharan kemerdekaan negara
D Penetapan tarikh pilihan raya umum

6. Rajah berikut menunjukkan usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

BUKU TEKS 220

X

Dibentuk pada 8 Mac 1956 untuk membincang dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
B Perlembagaan Rakyat
C Suruhanjaya Cobbold
D Perlembagaan Tanah Melayu

7. Pernyataan di bawah merupakan antara isu yang menjadi panduan dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

BUKU TEKS 222

- X
- Corak pentadbiran
- Kedudukan Raja-raja Melayu

Apakah X?

- A Pertahanan
B Pilihan raya
C Kewarganegaraan
D Hubungan diplomatik

8. Mengapakah terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep *jus soli*?

BUKU TEKS 223

- A Mengukuhkan penguasaan British
B Melambatkan proses kemerdekaan
C Menjejaskan status Raja-raja Melayu
D Menggugat kedudukan istimewa orang Melayu



9. Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?



- I Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- II Bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar
- III Perdana Menteri dilantik sebagai ketua negara
- IV Sistem pentadbiran negara bercorak demokrasi berparlimen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Senarai berikut menunjukkan jenis kerakyatan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.



- X
- Naturalisasi
- Penguatkuasaan Undang-undang

Apakah X?

- | | |
|-------------|-----------------|
| A Sukarela | C Permohonan |
| B Sementara | D Pengiktirafan |